

Merujuk kepada BUKU PANDUAN DAN PERATURAN AM PELAJAR POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BAHAGIAN PENGURUSAN POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA.

PECAHAN PERATURAN BAHAGIAN RUPADIRI

PELAJAR ISLAM DIWAJIBKAN BERPAKAIAN MENUTUP AURAT MENGIKUT SYARAK. SEMUA PELAJAR **DILARANG MEMAKAI PAKAIAN 'JEAN' DAN SLACK YANG MENYERUPAI 'JEAN'**. PELAJAR YANG TIDAK MENGIKUT PERATURAN INI BOLEH DIKENAKAN DENDA TERUS TIDAK LEBIH RM50.00 MENGIKUT KAEDAH BARU 26A.

4.1 RUPADIRI PELAJAR LELAKI

4.1.1 Pakaian ke Kelas/Bengkel/Makmal

- a. Baju kemeja berlengan panjang atau pendek.
- b. Baju „T“ berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau melambangkan mana-mana parti politik. Baju 'T' tidak berkolar TIDAK dibenarkan.
- c. Baju hendaklah sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in).
- d. Baju hendaklah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.
- e. Pemakaian baju kebangsaan dibenarkan tetapi hendaklah lengkap bersampin, berkasut dan bersongkok hitam.

f. Berseluar 'slack' (Pemakaian seluar 'jeans' dan bentuk/potong menyerupai 'jean' tidak dibenarkan).

- g. Berkasut dan berstokin.
- h. Selipar, terompah, capal dan seumpamanya TIDAK dibenarkan.
- i. Sebarang bentuk perhiasan TIDAK dibenarkan.